



**BANTU.** Naib Ketua Puteri UMNO, Shahanim Mohd. Yusoff (tengah) menyampaikan sumbangan berupa biskut dan beras kepada warga emas, Salimah Hitam di Kampung Pisang, Alor Setar semalam.



**BERAS.** Pengurus Besar Kanan Sektor Perniagaan Beras Tempatan Bernas, Abdul Rahman Mohd. Nasri (kanan) meninjau bekalan beras untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Alor Setar semalam.



**HABIS.** Pengurus Stesen Minyak Perniagaan Maju, Mariam Samsudin terpaksa meminta pelanggannya ke stesen minyak lain setelah stesen minyaknya di Padang Melangit, Beseri, Padang Besar kehabisan bekalan semalam.

# Alor Setar masih dilanda banjir

Oleh AHMAD SYAHIR  
KASSIM, SHAH NIZAM OMAR  
dan FAIZAL NAZARUDDIN  
berita@kosmo.com.my

**ALOR SETAR** - Keadaan banjir yang melanda Kedah sejak Isnin alu menunjukkan tanda-tanda reda semalam apabila air yang menenggelamkan beberapa daerah di negeri itu mula surut dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan menurun kepada 33,121 berbanding 39,785 kelmarin.

Bagaimanapun, keadaan di daerah Kota Setar tidak berubah.

Hampir 80 peratus pusat bandar raya ini terus digenangi air dengan beberapa batang jalan ditutup termasuk Jalan Stadium, Jalan Sultan Badlishah, Jalan Teluk Wan Jah dan Lebu Raya Darulaman.

Malah, bilangan mangsa yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan bagi daerah Kota Setar menecatat peningkatan kepada 19,978 orang berbanding 16,376 kelmarin.

Keadaan di daerah-daerah lain pula semakin pulih. Di daerah Padang Terap, seramai 3,993 mangsa sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Di Kubang Pasu pula hanya seramai 11,488 mangsa masih berada



**TUANKU ABDUL HALIM** bertanya khabar kepada salah seorang mangsa banjir di pusat pemindahan banjir di Alor Setar semalam.

di pusat pemindahan berbanding 21,111 kelmarin diikuti Pokok Sena (1,413) dan Pendang (242).

Jurucakap bilik gerakan banjir Majlis Keselamatan Negara memberitahu, setakat ini sebanyak 85 pusat penempatan mangsa banjir masih dibuka.

Sementara itu, keadaan banjir di Perlis semakin baik dengan mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan berkurangan kepada 9,595 orang berbanding 11,965 orang petang kelmarin.

Keadaan banjir di Padang Besar sudah pulih sepenuhnya manakala Kangar dan Arau beransur surut.

Jurucakap bilik gerakan banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri memberitahu, kesemua kira-kira 20 pusat pemindahan banjir di Padang Besar telah ditutup.

Di bandar Kangar, jalan-jalan utama boleh dilalui kenderaan ringan kecuali di Persiaran Jubli Emas dan Jalan Jubli Perak yang masih di-

genangi air separas buku lali.

Tinjauan *Kosmo! Ahad* mendapati orang ramai sibuk mencuci rumah dan premis perniagaan masing-masing setelah bekalan air dan elektrik dipulihkan.

Namun, masih terdapat kawasan perumahan di Kangar yang digenangi air.

Lebih 7,000 penduduk terus ditempatkan di 34 pusat pemindahan di sekitar bandar ini manakala empat pusat pemindahan di Arau masih dibuka.



## Sultan Kedah lahir rasa dukacita

**ALOR SETAR** - Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah melahirkan rasa dukacita baginda dengan nasib rakyat negeri ini yang berdepan kesukaran akibat dilanda banjir terburuk dalam sejarah Kedah.

Bertitah pada majlis taklimat khas banjir di sini semalam, baginda turut meminta semua pihak menetapkan fahaman politik dan tampil membantu demi kepentingan seluruh rakyat negeri yang terjejas teruk akibat bencana itu.

"Beta berasa amat dukacita di atas kejadian bencana banjir yang melanda seluruh rakyat negeri Kedah tetapi beta percaya ada hikmah di sebalik semua ini," titah baginda.

Pada majlis tersebut, baginda turut mengumumkan sumbangan RM500,000 daripada hasil zakat negeri serta berkenan mengurniakan sumbangan peribadi RM100,000 kepada kerajaan negeri untuk membantu mangsa banjir di Kedah.

Terdahulu, Sultan Kedah dan Sultanah, Tuanku Haminah Hamidun berangkat dan meluangkan masa selama sejam melawat rakyat jelata yang terlibat dengan bencana itu di pusat pemindahan di Stadium Suka Menanti di sini.